

16 MAY 1999
Mahathir-Guru
DR MAHATHIR MINTA GURU PELIHARA NILAI MULIA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta guru-guru terus menanam dan memelihara nilai dan budaya bangsa yang mulia di kalangan pelajar bagi menjamin kejayaan negara.

Katanya tugas itu menjadi amat penting sekarang kerana ada usaha oleh beberapa pihak untuk mencemarkan budaya bangsa dan menggagalkan usaha memajukan negara.

"Saya berharap guru-guru di Malaysia akan memikul beban ini dengan penuh bertanggungjawab kerana di tangan gurulah terletak nasib bangsa dan negara di masa hadapan," katanya ketika berucap melancarkan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di sini.

Majlis itu, yang diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa The Mines dihadiri oleh 4,500 tokoh pendidik dan guru dari seluruh negara.

Dr Mahathir berkata nilai budaya mulia perlu terus dipegang oleh rakyat negara ini kerana ia menjadi penentu kepada maju atau mundurnya sesuatu bangsa.

Perdana Menteri berkata guru memainkan peranan amat penting dalam masyarakat kerana merekalah yang sebenarnya menanam nilai budaya sebuah bangsa yang berjaya.

Peranan guru tidak hanya terhad kepada penyampaian ilmu tetapi meliputi tugas membentuk nilai budaya mulia yang akan menjadi pegangan pelajar.

"Sebelum kita sampaikan ilmu, hendaklah kita tentukan bahawa ilmu itu akan digunakan secara baik oleh murid-murid supaya apabila mereka membesar dan menjadi anggota masyarakat, mereka akan menggunakan ilmu untuk kebaikan.

"Mereka sendiri tidak boleh berfikir apa nilai-nilai yang boleh membawa kebaikan kepada mereka, mereka tidak belajar mengenai budaya mereka, tetapi ia diserapkan secara automatik," katanya.

Dr Mahathir berkata nilai-nilai budaya mulia yang dipegang kukuh oleh rakyat negara ini akan menjadi benteng kepada serangan budaya barat yang merosakkan.

Budaya "doing your own thing" ciptaan barat yang memberi hak kebebasan individu telah membawa padah keruntuhan moral di kalangan masyarakat barat dan tidak perlu ditiru oleh masyarakat negara ini.

Kebebasan individu ini telah menyebabkan anak-anak muda membawa senjata api ke sekolah dan melakukan pembunuhan tidak berasas terhadap rakan-rakan sekolah mereka, semuanya atas nama hak kebebasan individu.

"Budaya ini tidak mungkin menjadi tamadun mulia. Apakah perlu kita meniru?" katanya.

Perdana Menteri berkata ada golongan yang tidak berpendirian di negara ini sudah mula meniru apa sahaja yang dibuat oleh barat termasuk budaya mencaci, maki hamun dan mencarut.

Beliau berharap masyarakat negara ini bijak menggunakan ilmu yang mereka perolehi untuk kebaikan bangsa dan negara melalui amalan yang baik.

"Ada perkara yang baik tetapi cara amalannya membawa keburukan, dan ada benda yang buruk kalau digunakan dengan tertib, boleh membawa kebaikan," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana bahan letupan yang boleh membunuh juga boleh menggerakkan pesawat terbang dengan pantas melalui penggunaan enjin roket.

"Letupan-letupan yang berlaku dalam silinder enjin kereta juga adalah

letupan yang membawa kebaikan," katanya.

Dr Mahathir berharap guru akan mendapat balasan kepuasan membentuk budaya bangsa yang membolehkan negara mencapai kejayaan.

-- BERNAMA

AFY MAI